

NO. SOALAN : 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD.  
ZOHDI [ SUNGAI BESAR ]**

**TARIKH : 14 NOVEMBER 2016**

**SOALAN :**

**YB. Tuan Budiman bin Mohd. Zohdi [ Sungai Besar ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan tindakan lanjut Kementerian bagi mengekang tindakan sesetengah pengusaha rumah sewa yang menggunakan terma *homestay* bagi menarik pelanggan sehingga memberi gambaran yang salah terhadap terma *homestay* itu sendiri.**

**JAWAPAN :      DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada Perbadanan Harta Intelek (MyIPO), perkataan homestay merupakan *common word* dan ianya boleh diguna pakai oleh sesiapa sahaja. Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia tidak mempunyai kuasa untuk melarang pengusaha rumah sewa yang menggunakan nama homestay. Kementerian ini hanya mempromosikan Homestay yang berdaftar dengan Kementerian ini dimana setiap rumah yang berdaftar mestilah mempamerkan plak homestay yang disediakan oleh Kementerian. Walau bagaimanapun, Kementerian ini sedang berusaha mendapatkan cap dagangan logo homestay melalui Perbadanan Harta Intelek (MyIPO) dimana tindakan hanya boleh diambil sekiranya terdapat sebarang penyalahgunaan logo ini.

Sekian, terima kasih.